

Naib Canselor UMS yakin TCTP mampu tingkat k-sama di kalangan negara-negara membangun

NST 9.9.16 2

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yakin Program Latihan Negara Ketiga (TCTP) yang diadakan di negeri ini mampu meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara membangun dalam mengurus dan melaksanakan strategi pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem secara bersepadu.

Beliau berkata program TCTP itu merupakan contoh terbaik kerjasama segi tiga antara Jepun-Malaysia (Kerjasama Utara-Selatan) dan Malaysia-Negara-negara Membangun (Kerjasama Selatan-Selatan).

Harun berkata Kerjasama segi tiga itu kini menjadi wadah penting jalinan kerjasama antarabangsa untuk mendapat hasil yang mampan, terutama dalam pengurusan pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem.

"Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa TCTP Sabah mencapai kejayaan memberangsangkan dan memberi impak positif kepada para peserta."

"Pada masa lalu, para peserta telah melahirkan rasa puas hati dan gembira dengan kandungan dan pelaksanaan kursus latihan," katanya ketika merasmikan Sabah TCTP 2016 bertemakan 'Biodiversiti Bersepadu dan Pemuliharaan Ekosistem', di Universiti Malaysia Sabah, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berharap kerjasama penting dan berkesan itu akan berterusan di kalangan organisasi yang terlibat dalam mengekal dan memulihara biodiversiti, sekali gus menjadikan Sabah model kecemerlangan dalam pemuliharaan biodiversiti dan



ALBUM ... Mohd Harun (enam dari kanan) bergambar bersama para peserta program TCTP 2016.

ekosistem bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata program TCTP kali ini menyaksikan kehadiran 20 peserta luar negara termasuk dari Uganda, Kenya, Botswana, Filipina, Myanmar, Vietnam, Kemboja dan Sri Lanka — bilangan tertinggi jumlah peserta yang diambil setiap tahun untuk program itu.

Sambil menyingskap sejarah TCTP, beliau berkata pusingan

pertama program latihan Sabah TCTP berjaya dijalankan antara 2009 dan 2011.

"Ini diikuti dengan pusingan ke-2 yang dilaksanakan antara 2012 dan 2015, menjadikan jumlah peserta 104. Jika tahun lepas 17 peserta dari 10 negara di Asia Selatan dan Afrika Selatan mengikuti program TCTP.

"Tahun ini, saya gembira kerana kita mempunyai sejumlah 20 peserta, menjadi

kan jumlah terkumpul peserta untuk Sabah TCTP ialah seramai 124," katanya.

Menurut Mohd Harun, kesemua peserta adalah kalanngan pegawai kerajaan dari negara-negara membangun, termasuk dari Brunei Darussalam, Indonesia, Papua New Guinea, Thailand, Laos, India, Mali dan Tanzania. - OLEH MARRYAN RAZAN - marryan@newsabah-times.com.my



MESYUARAT ... Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Induk Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri, Tun Haji Juhar Mahiruddin dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan di Bilik Mesyuarat Utama KBSS Wisma Muis, Kota Kinabalu.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian, Haji Awang Damit Haji Anak.

Tawfiq (tengah) bersama AJK Induk sebelum mesyuarat bermula.